

27/12/2000

Sorotan peristiwa

1 April 2000 - Barisan Nasional berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, Pahang, apabila calonnya, Redzwan Harun, menewaskan bekas Setiausaha Agung Pas, Datuk Hishammuddin Yahaya, dengan majoriti 1,963 undi. Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian Ahli DUN kawasan berkenaan, Datuk Abdullah Kia, akibat diserang angin ahmar pada 25 Februari.

8 Mei 2000 - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Proton Waja, kereta nasional pertama yang reka bentuknya dimajukan sepenuhnya oleh jurutera tempatan. Proton Waja versi 1.6 liter dan 1.8 liter itu adalah model kelapan dikeluarkan Proton selepas Saga pada 1985; Iswara (1992); Wira (1993); Satria (1994); Perdana (1995); Tiara (1996) dan Putra (1997).

10 Jun 2000 - Barisan Nasional berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Teluk Kemang apabila calonnya, S Sothinathan, menewaskan calon Keadilan, Ruslan Kassim dengan majoriti 5,972 undi. Pilihan raya kecil itu diadakan selepas Ahli Parlimennya, S A Anpalagan yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan meninggal dunia pada 28 April.

26 September 2000 - Mikrosatelit negara yang pertama Tiungsat-1, dilancarkan dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan, pada 4.05 petang (6.05 petang waktu Malaysia) menggunakan kenderaan pelancar, Dnepr. Tiungsat-1 dibina oleh jurutera negara dari Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB) dan rakan teknikalnya dari Surrey Satellite Technology Limited (SSTL).

1 Oktober 2000 - Sekumpulan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencatat sejarah dunia apabila berjaya merentangkan bendera terpanjang di Tembok Besar China, pada 1 Oktober lalu. Mereka merentang Jalur Gemilang sepanjang dua kilometer di tembok itu.

4 Oktober 2000 - Kereta elektrik keluaran Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM) dan syarikat penyelidikan Britain, Frazer n Nash, menjadi kereta elektrik pertama yang digunakan dalam sukan Olimpik iaitu pada Sukan Olimpik Sydney, September lalu.

6 Oktober 2000 - Juruhebah stesen radio Best 104, Burhan Mohtaruddin atau lebih dikenali sebagai BBD berjaya memecahkan rekod dunia ke udara tanpa henti selama 104 jam, tepat jam 8 pagi 6 Oktober 2000. Beliau mengatasi rekod juruhebah radio Wroclaw Station, Poland iaitu Marek Obszanny dan Dariuszs Litera yang ke udara secara berterusan selama 93 jam 10 minit.

15 Oktober 2000 - Datuk Seri Dr Mahathir mengetuai rakyat Malaysia mencatatkan rekod baru Buku Guinness dengan menanam serentak 100,000 pokok daripada 30 spesies dalam masa satu minit pada program Pokok Alaf Baru 2000, di seluruh negara sempena Hari Habitat Sedunia 2000. Kejayaan itu mengatasi rekod yang dicipta di Brazil iaitu menanam 24,199 pokok dalam tempoh seminggu di Sao Paulo pada April 1996.

18 November 2000 - Perhimpunan Agung Khas Umno meluluskan 49 daripada 50 pindaan Perlembagaan parti, termasuk penubuhan Puteri Umno dan kebenaran pegawai kumpulan A bertanding dan memegang jawatan dalam parti. Pindaan itu dibuat untuk memantapkan dan membanteras gejala politik wang dalam parti.

(END)